



## **DEB kepada ANB - apa bezanya?**

Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan dan masih berjalan sejak 35 tahun yang lalu. Namun ianya masih lagi tidak jelas tentang halatujunya. Justeru itu, jika diperhatikan, konsep DEB ini sering menjadi tumpuan kepada perwakilan-perwakilan didalam setiap Perhimpunan Agung UMNO.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO 2005, isu ini panas sekali lagi yang dibawa oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Namun apa yang mengecewakan ialah hanya suara-suara Pemuda sahaja yang lantang yang diketuai oleh Khairy Jamaluddin - Timbalan Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Yang jelas, pemerhati politik menyifatkan, Pemuda tidak mempunyai isu-isu bernas untuk dibawa dan dibangkitkan. Hanya isu-isu remeh yang sememangnya telah dan sedang dilaksanakan. Adalah lebih baik Pemuda membawakan isu kegagalan ekuiti Melayi yang dicapai sebanyak 18% dan tidak 30% sepertimana yang disasarkan.

Sekali lagi gimik Pemuda UMNO menjadi dengan menukar konsep nama DEB kepada ANB (Agenda Nasional Baru) atas alasan untuk menyuntik semangat baru kepada orang Melayu. Namun isu ini tidak menjadi tetapi lebih menjadi satu isu yang kontroversi kepada mereka yang diluar Melayu dan UMNO. Mereka beranggapan ini adalah isu baru dan menjadi diskriminasi kepada lain-lain kaum bukan Melayu.

Beberapa pemimpin parti Politik di luar UMNO mula mempertikaikan konsep ANB ini:-

- Presiden Parti Gerakan - ANB tidak praktikal, untuk mencapai DEB perlu pendekatan yang lebih rasional dan bukan secara perkauman. Jika kuota sediaada gagal dicapai dan peratusannya perlu ditambah secara berterusan, orang Cina dan orang India juga perlu menikmatinya dan mereka juga tak tahan dengan birokrasi ini.
- Tan Sri Muhammad B Mohd Taib - Pemimpin bukan Melayu dan akhbar Bukan Melayu tidak wajar mempersoalkan usaha memajukan orang Melayu.
- Dato' Chua Jui Meng - cara dan pendekatan yang dilakukan oleh UMNO merupakan pendekatan ke belakang dan pastinya orang Melayu tidak akan mencapai sasaran yang diunjurkan. UMNO perlu bersaing untuk sama-sama membina kekuatan hadapai pasaran global dan liberal.
- Dato' Hishamuddin Tun Hussin - sedia temui Presiden MCA untuk bincang dan hidupkan semula semangat DEB.

Soalnya kini, sebelum isu ini dibincang dan diperdebatkan didalam mana-mana juga forum, kita perlu menilai dan memandang ke belakang ke kiri dan ke kanan dan tidak hanya lantang bersuara namun tidak ada hasilnya. Inilah yang berlaku apabila Pergerakan Pemuda hanya memikirkan emosi dan nafsu untuk menonjol. Kata-kata lantang yang disuarakan oleh Khairy Jamaluddin bukan menunjukkan sikap matang dan rasional seorang Naib pemuda UMNO. Bukan sahaja kegagalan DEB orang

Melayu itu gagal dan tidak mencapai sasarannya tetapi ia menimbulkan satu lagi masalah iaitu kegusaran orang bukan Melayu.

Semua orang tahun dan faham apa itu DEB atau Dasar Ekonomi baru. Ianya sedang dilaksanakan sejak 35 tahun yang lepas sehingga tahun 2020. Kini baru tahun 2005, apa yang hendak difikirkan dan diperdebatkan. Yang lebih penting, UMNO perlu tahu mengapa sejak 35 tahun dilaksanakan ekuiti orang Melayu hanya sekadar 18% sahaja. Ini yang perlu difikirkan dan diperdebatkan. Soalnya kini, kenapa setelah 35 tahun baru UMNO melalui Perhimpunan Tahunan merasakan ada yang tidak kena dan berlaku kegagalan dan kenapa tidak sebelum ini?

Apakah dengan hanya menukar nama DEB kepada ANB maka orang Melayu itu boleh bersemangat semula? Pemantauan yang lebih praktikal dan pragmatik perlu dibuat oleh UMNO sekiranya ingin mengatasi kegagalan orang Melayu melalui percambahan pemikiran dengan mereka yang intelektual dan akademik dan bukannya melalui perdebatan secara terbuka.

Isu yang dibincangkan itu adalah isu orang Melayu, kegagalan orang Melayu, memartabatkan orang Melayu dan maruah orang Melayu. Kenapa tidak diperdebatkan didalam muzakarah orang Melayu sendiri. Agak memalukan apabila isu ini diperdengarkan melalui kelantangan suara Khairy Jamaluddin - Naib Ketua Pemuda seolah-olah beliau adalah pejuang bangsa Melayu. Dimana Khairy Jamaluddin sejak 35 tahun yang lepas didalam memperjuangkan martabat bangsa Melayu?

Tidak salah jika Tan Sri Muhyiddin Yassin mempersoalkan bahawa "kita terlalu banyak mengadakan Konvensyen, Kongres dan Persidangan' dan tidak henti-henti dan sudah tiba masanya agenda Melayu ini diperbetulkan. Kalau asyik berkongres sahaja pastinya kita tidak dapat merealisasikan agenda ini.

Kelantangan suara Pemuda pada persidangan itu dirasakan memalukan orang Melayu yang mendengarnya kerana ianya bukanlah satu isu baru yang hendak dibangkitkan dan tidak perlu diperjelaskan walaupun sekadar untuk memberikan satu nama baru. Yang pasti orang bukan Melayu akan keliru.

Hasrat Ketua Pemuda UMNO untuk berdebat dengan Presiden MCA mengenai isu ini juga dirasakan tidak relevan kerana seolah-olah Hishamuddin seperti seorang pejuang yang tulen. Tetapi pemerhati politik memandang sebaliknya kerana kekeliruan ini berlaku hasil dari cetusan minda Pemuda yang tidak matang. Adalah lebih baik untuk memberi penerangan yang jelas menghadapi kekeliruan ini, penjelasan kepada Presiden MCA perlu dilakukan oleh Presiden UMNO dan bukannya dari Ketua Pemuda. Nak bercakap dengan orang yang lebih tinggi perlulah sama taraf.

Yang penting sekarang, DEB masih berjalan sehingga tahun 2020. Kita perlu kenalpasti kelemahan dan kegagalan orang Melayu sejak 35 tahun dan mencari 'antidote' serta mencari peluang-peluang untuk disalurkan kepada orang Melayu itu sendiri. Janganlah ada orang Melayu Korporat yang asyik memonopoli peluang-peluang yang ada tanpa mengambil-kira orang Melayu di akar umni. Kalau pemimpin Pemuda di atas mendapat peluang untuk membantu orang Melayu yang lain, kenapa tidak salurkan dan beri peluang kepada orang Melayu yang. Ini tidak, semasa dari bawah cakap berkobar-kobar untuk bantu orang Melayu tetapi apabila telah

mencapai hasrat, yang dibawah pasti dilupakan. Mungkin Pemuda UMNO Malaysia tidak sedemikian, mungkin Pemuda UMNO lain tempat ....

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.